

# **Hubungan Antara Stres Dengan Kepuasan Kerja Guru Penolong Kanan Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Kulai.**

Othman Bin Md Johan & Siow Set Fun

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap stres, tahap kepuasan kerja dan hubungan antara stres dengan kepuasan guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai. Seramai 42 orang guru penolong kanan yang bertugas di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai telah menjadi responden bagi tujuan kajian ini. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Set soalan soal selidik ini mengandungi instrumen yang diubahsuai untuk mengukur tahap kepuasan responden. Nilai kebolehpercayaan instrumen untuk mengukur stress ialah 0.893 sementara index bagi kepuasan kerja adalah 0.839. Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows* versi 12.0. Statistik deskriptif iaitu frekuensi dan min digunakan untuk menganalisis tahap stres dan kepuasan kerja manakala korelasi Pearson 'r' digunakan untuk melihat hubungan antara stres dengan kepuasan kerja di kalangan responden. Hasil kajian mendapati tahap stres responden berada pada tahap rendah manakala tahap kepuasan pula berada di tahap sederhana. Dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara stres dengan kepuasan kerja di mana nilai korelasi yang diperolehi ialah 0.021.

*Katakunci* : stress, kepuasan kerja, guru penolong kanan

## **Pengenalan**

Teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang bertemakan 'Merintis Pembaruan : Satu Misi Nasional' yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Badawi bermatlamat untuk menyediakan seluas-luas akses, meningkatkan ekuiti serta memastikan pendidikan berkualiti dinikmati semua rakyat Malaysia, tidak kira siapa dan di mana mereka berada supaya tidak sesiapa pun tercicir daripada arus pembangunan Negara menjelang 2020. Untuk merealisasikan matlamat wawasan 2020, Malaysia sangat memerlukan tenaga pekerja terutamanya para guru yang berdaya tinggi, cekap, cergas dan produktif.

Dunia pendidikan mengalami perubahan yang pesat. Perubahan demi perubahan ini menyebabkan tugas guru semakin membebankan. Para guru perlu memainkan berbagai peranan dalam kehidupan mereka sehari-harian. Menurut Ivor Morrish, "...seseorang guru perlu memikirkan semula secara sedar tujuan dan objektif dalam pengajarannya dan juga cara terbaik untuk merealisasikannya." Dalam konteks pelajar dan aktiviti, guru bukan saja mesti bertindak sebagai pemberi ilmu dan kemahiran, tetapi juga sebagai penganalisis dan pihak yang memberi pengesahan. Tugas guru menjadi semakin sukar kerana aspek perkhidmatannya berkait rapat dengan personaliti dan hubungan kemanusiaan. Ianya semakin terperangkap dalam jaringan hubungan yang kian rumit di antara pelajar, ibu bapa, pemimpin, ketua organisasinya, penasihat, penyelia, nazir, dan sebagainya. Pada masa yang sama, seseorang guru juga wajib menitikberatkan peranan dan tanggungjawabnya sebagai pengantara pengetahuan dan budaya dan sebagai pengembang pelbagai kemahiran.

Guru merupakan sebahagian daripada golongan pendukung yang melaksanakan tugas untuk melahirkan dan membina masyarakat yang mempunyai budaya yang bertamadun tinggi. Oleh itu, masalah stres kerja dan kepuasan kerja di kalangan guru perlu diberi perhatian.

Memandangkan kedua-dua perkara ini merupakan faktor yang amat penting yang akan memberi kesan kepada kemajuan bidang pendidikan, maka satu kajian terhadap stres dan hubungannya terhadap kepuasan kerja guru penolong kanan di sekolah rendah dijalankan oleh penyelidik untuk mengenalpasti tahap stres dan kepuasan kerja mereka.

### **Penyataan Masalah**

Dengan wujudnya perubahan dan reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tugas guru semakin berat dan mencabar (Utusan Malaysia, 15 Mac 2003).

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Dato' Dr. Haji Ahmad Bin Sipon pula mengatakan, *“Guru hendaklah menjadikan diri mereka relevan dengan tuntutan perubahan semasa melalui peningkatan ilmu, pengetahuan, dan kemahiran ke tahap yang tertinggi mungkin (Pendidik, Bil 13, 6-9, 2005)”*.

Kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini telah menunjukkan guru-guru di negara kita mengalami stres dan wujudnya ketidakpuasan kerja kerana perubahan demi perubahan berlaku dalam dunia bidang pendidikan (Chaplin, R.P., 2001 dan Abdul Ghani et al., 2006 ). Untuk guru penolong kanan pula, stres yang dialami oleh mereka jauh lebih tinggi kerana bidang tugas mereka merangkumi berbagai aspek. Mereka juga perlu berhadapan dengan berbagai masalah dalam kehidupan seperti masalah keluarga dan kewangan. Faktor-faktor ini akan menimbulkan tekanan. Tekanan yang timbul ini akan menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan berkesan. Selain itu, kajian-kajian juga menunjukkan faktor-faktor suasana kerja, ganjaran, kenaikan pangkat, penyeliaan dan hubungan rakan sebaya juga akan menimbulkan stres dan ketidakpuasan kerja di kalangan guru. Mengikut Hart (1994), stres yang wujud akan memberi impak negatif yang akan menyebabkan seseorang guru veteran meninggalkan profesion perguruan.

Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji adakah faktor-faktor suasana kerja, masalah keluarga dan faktor kewangan menyebabkan wujudnya stress di kalangan guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan daerah Kulai. Penyelidik juga mengkaji samada faktor-faktor suasana pekerjaan, gaji, kenaikan pangkat dan rakan sebaya mempengaruhi kepuasan kerja mereka. Kajian ini juga mengenalpasti sejauh manakah tahap stres dan kepuasan kerja serta meninjau hubungan antara stres dengan kepuasan kerja guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan daerah Kulai.

### **Objektif Kajian**

- i. Untuk mengetahui tahap stres yang dialami oleh guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai.
- ii. Untuk mengetahui tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai.
- iii. Untuk mengetahui hubungan di antara stres dan kepuasan kerja guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang stres kerja dan kepuasan kerja guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai. Hasil daripada kajian ini harap dapat membantu pihak atasan iaitu sekolah, Pegawai Pelajaran Daerah Kulai dan Jabatan Pelajaran Negeri Johor mengenalpasti tahap stress yang dialami dan kepuasan kerja guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai. Dengan maklumat yang

diperolehi nanti, pihak-pihak kepentingan ini dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminimalkan tahap stres dan meninggikan kepuasan kerja di kalangan guru penolong kanan agar segala program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan demi melahirkan modal insan yang lebih cemerlang sebagaimana dinyatakan dalam Teras Pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan iaitu Membina Negara Bangsa untuk mencapai Wawasan 2020.

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian tentang hubungan stres dan kepuasan kerja guru penolong kanan ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif untuk mendapatkan data kuantitatif. Menurut Wiersma (2000), suatu kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif mempunyai reka bentuk yang lebih berstruktur. Menurut Mohamad Najib (1999), data kuantitatif adalah hasil daripada teknik soal selidik melalui kaedah tinjauan.

Kajian berbentuk deskriptif dapat memberikan gambaran atau maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping membantu untuk membuat perancangan pada masa akan datang (Wiersma, 2000). Oleh itu, kajian berbentuk deskriptif digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang stres dan kepuasan kerja para guru penolong kanan di daerah Kulai.

Menurut Ary (1985), reka bentuk penyelidikan deskriptif mampu menerangkan status semasa sesuatu fenomena dan menjelaskan perkara berhubung dengan perkaitan dan perbezaan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Kaedah tinjauan digunakan untuk dua tujuan iaitu untuk memperolehi maklumat deskriptif terhadap populasi dan untuk mengkaji perkaitan dan perbezaan di antara pemboleh ubah bersandar dan bebas (Rosier, 1998). Maka pemilihan deskriptif sesuai dengan kajian ini untuk melihat hubungan antara stress dengan kepuasan kerja.

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap stres, tahap kepuasan kerja dan melihat hubungan antara stres dengan kepuasan kerja guru penolong kanan di Daerah Kulai.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas semua guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai yang berjumlah 42 orang iaitu setiap sekolah melibatkan guru penolong kanan pentadbiran, guru penolong kanan hal ehwal murid dan guru penolong kanan kokurikulum sebagaimana di Jadual 1.

**Jadual 1 : Pecahan Senarai Nama Sekolah Yang Dipilih Serta Bilangan Responden**

<b>Bil</b>	<b>Nama Sekolah</b>	<b>Bilangan Responden</b>
1.	SJK (C) Woon Hwa	3
2.	SJK (C) Batu	3
3.	SJK (C) Bemban	3
4.	SJK (C) Sedenak	3
5.	SJK (C) Sawit	3
6.	SJK (C) Sengkang	3
7.	SJK (C) Kulai (1)	3

8.	SJK (C) Kulai (2)	3
9.	SJK (C) Saleng	3
10.	SJK (C) Senai	3
11.	SJK (C) Seelong	3
12.	SJK (C) Ching Yeh	3
13.	SJK (C) Kangkar Pulai	3
14.	SJK (C) Kulai Besar	3
	<b>Jumlah</b>	<b>42</b>

### Instrumen Kajian

Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan dan meningkatkan kejayaan penyelidikan. Soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Cates (1980) berpendapat bahawa penggunaan soal selidik adalah amat berkesan jika disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai.

Menurut Sulaiman (2002), soal selidik merupakan satu cara paling mudah untuk memperolehi maklumat dan mempunyai lebih kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha mendapatkan maklumat kuantitatif dan kualitatif. Selain itu, soal selidik juga amat sesuai untuk mendapatkan reaksi daripada responden yang jauh dengan pengawasan yang minimum (Abu Bakar, 1995).

Penggunaan soal selidik berbentuk item tertutup dan jawapan terpilih amat baik kerana ia tidak memerlukan subjek berfikir atau melahirkan ide-ide baru terhadap sesuatu soalan (Kerlinger, 1986). Menurut Marshall dan Rossman (1989), soal selidik mempunyai kekuatan dalam menjalankan kajian iaitu :

- i. Mudah untuk memanipulasi dan mengkategorikan data untuk dianalisis.
- ii. Mengurus dan mentadbir data dengan mudah dan berkesan.
- iii. Mudah untuk membuat generalisasi.
- iv. Mudah menganalisis, menguji kesahan dan membuat Triangulasi (*triangulation*).

Pengkaji telah membina satu set soalan soal selidik untuk menguji tahap stres guru-guru penolong kanan di daerah Kulai. Set soalan ini juga mengandungi instrumen yang diubahsuai dari "*Job Descriptive Index*" (JDI) untuk mengukur tahap kepuasan mereka.

**Jadual 2 : Soal Selidik Kajian**

Bahagian	Perkara	No. Item	Bil Item
A	Maklumat Diri	1-4	4
B	Soalan-soalan untuk mengukur stres	1-24	24
C	Soalan-soalan mengukur kepuasan kerja ( <i>Job Descriptive Index –Smith et al-1975</i> )	1-59	59
<b>JUMLAH</b>			<b>87</b>

Dalam kajian ini, soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian seperti dalam Jadual 2. Bahagian A merupakan soalan-soalan mengenai maklumat diri. Bahagian B merupakan soalan-soalan untuk mengukur stres. Bahagian C merupakan "Job Descriptive Index" (JDI) yang dibentuk oleh Smith et al. (1975) dan diubahsuai untuk kegunaan tempatan oleh Mohd. Majid (1990) dan Rorzali (1997).

### Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji ketekalan dalaman instrumen yang digunakan. Polit et al. (2001), menyatakan bahawa kajian rintis adalah merujuk kepada kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan sebelum melakukan kajian yang lebih besar.

Selain itu, kajian rintis juga dijalankan bertujuan untuk menguji dan mengetahui tahap kefahaman responden terhadap item-item soalan yang dikemukakan. Data-data yang dikumpul daripada kajian rintis digunakan untuk menguji kebolehpercayaan item-item soal selidik itu. Menurut Abu Bakar (1995), pengujian tahap kesahan instrumen adalah penting untuk memastikan item yang dibuat adalah bersesuaian dengan responden yang hendak diuji.

Responden kajian rintis ini terdiri daripada 20 orang guru penolong kanan di lapangan buah sekolah kebangsaan di daerah Kulai. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian program komputer "*Statistical Package of Social Science (SPSS) for Windows*", versi 12.0.

Dalam kajian ini didapati nilai Alpha Cronbach bagi semua item soal selidik tersebut ialah 0.853. Nilai Alpha Cronbach yang diperolehi keseluruhannya adalah seperti berikut :

**Jadual 3 : Nilai Alpha Cronbach Soal Selidik**

Bil	Asoek yang dikaji	Nilai Alpha Cronbach
1.	Bahagian B : Stres	0.893
2.	Bahagian C : Kepuasan Kerja	0.839
Jumlah keseluruhan		0.853

### Analisis Data

Jadual 4 di bawah menunjukkan kepuasan kerja guru penolong kanan berdasarkan suasana kerja mereka sekarang. Sebanyak 12 item telah dikemukakan untuk menguji tahap kepuasan dari aspek suasana kerja. Pada keseluruhannya tahap kepuasan kerja adalah tinggi dari aspek suasana kerja (min 3.32). Daripada 12 item yang dikemukakan, 5 item menunjukkan guru penolong kanan mencapai kepuasan yang tinggi iaitu suasana kerja mencabar (item 9), memberi satu perasaan kepuasan (item 12), baik (item 4), selesa (item 7) dan mudah (item 10). Kajian juga menunjukkan 6 daripadanya diklasifikasikan sebagai sederhana iaitu terdiri daripada menarik (item 1), tidak membosankan (item 3), tidak menggelisahkan (item 6), kreatif (item 5), tidak melelahkan (item 8) dan rutin (item 2). Berdasarkan 12 item ini, hanya satu dipersepsikan oleh guru penolong kanan sebagai mendatangkan kepuasan yang rendah iaitu kerja mereka adalah berpanjangan atau tidak berputus-putus.

**Jadual 4 : Taburan Kepuasan Kerja Dari Aspek Suasana Kerja**

Pernyataan Item		ATS	TS	KS	S	AS	Min
		f %	F %	f %	f %	f %	(Tahap)
1.	Menarik	0 (0)	18 (0)	0 (42.9)	24 (57.1)	0 (0)	3.57 (Sederhana)
2.	Rutin	4 (9.5)	25 (59.5)	10 (23.8)	2 (4.8)	1 (2.4)	2.30 (Sederhana)
3.	Membosankan	0 (0)	7 (16.7)	14 (33.3)	17 (40.5)	4 (9.5)	3.42 (Sederhana)
4.	Baik	0 (0)	0 (0)	10 (23.8)	30 (71.4)	2 (4.8)	3.80 (Tinggi)
5.	Kreatif	0 (0)	0 (0)	14 (33.3)	26 (61.9)	2 (4.8)	2.71 (Sederhana)
6.	Menggelisahkan	2 (4.8)	10 (23.8)	9 (21.4)	20 (47.6)	1 (2.4)	3.19 (Sederhana)
7.	Selesa	0 (0)	0 (0)	11 (26.2)	28 (66.7)	3 (7.1)	3.80 (Tinggi)
8.	Meletihkan	5 (11.9)	17 (40.5)	11 (26.2)	7 (16.7)	2 (4.8)	2.61 (Sederhana)
9.	Mencabar	0 (0)	0 (0)	6 (14.3)	29 (69.0)	7 (16.7)	4.02 (Tinggi)
10.	Mudah	0 (0)	0 (0)	14 (33.3)	24 (57.1)	4 (9.5)	3.76 (Tinggi)
11.	Berpanjangan (Tidak berputus-putus)	13 (31.0)	22 (52.4)	7 (16.7)	0 (0)	0 (0)	1.85 (Rendah)
12.	Memberi satu perasaan kepuasan	0 (0)	0 (0)	12 (28.6)	24 (57.1)	6 (14.3)	3.85 (Tinggi)
Min keseluruhan							3.32 (Sederhana)

ATS : Amat tidak setuju TS : Tidak setuju KS : Kurang setuju S : Setuju AS : Amat Setuju

Jadual 5 di bawah menunjukkan kepuasan kerja guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai berdasarkan gaji mereka sekarang. Sebanyak 5 item telah dikemukakan untuk menguji tahap kepuasan responden. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan kerja responden adalah di tahap sederhana dengan min 3.58. Berdasarkan 5 item ini, tidak ada satu item pun dipersepsikan oleh guru penolong kanan sebagai memberi kepuasan yang rendah. 3 daripadanya diklasifikasikan sebagai tinggi iaitu terdiri daripada gaji yang diterima mewah (item 16) dan mencukupi untuk perbelanjaan biasa (item 13) dan gaji yang diterima memuaskan (item 14). Daripada 5 item ini, 2 item sahaja mempunyai min tahap kepuasan yang sederhana iaitu ada peruntukkan untuk simpanan (min 3.52) dan kurang daripada apa yang patut diterima (min 2.59).

**Jadual 5 : Taburan Kepuasan Kerja Dari Aspek Gaji**

Pernyataan Item		SIS	IS	KS	S	AS	Min (Tahap)
		f %	F %	f %	f %	f %	
13.	Mencukupi untuk perbelanjaan biasa	0 (0)	0 (0)	5 (11.9)	32 (76.2)	5 (11.9)	4.00 (Tinggi)
14.	Memuaskan	0 (0)	0 (0)	14 (33.3)	27 (64.3)	1 (2.4)	3.69 (Tinggi)
15.	Peruntukkan untuk simpanan	0 (0)	0 (0)	22 (52.4)	18 (42.9)	2 (4.8)	3.52 (Sederhana)
16.	Mewah	0 (0)	0 (0)	9 (21.4)	22 (52.4)	11 (26.2)	4.04 (Tinggi)
17.	Kurang daripada apa yang patut diterima	3 (7.1)	19 (45.2)	14 (33.3)	4 (9.5)	2 (4.8)	2.59 (Sederhana)
Min keseluruhan							3.58 (Sederhana)

ATS : Amat tidak setuju TS : Tidak setuju KS : Kurang setuju S : Setuju AS : Amat Setuju

### Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai mencapai tahap stres yang sederhana dari aspek suasana kerja dengan min 2.40. Ini membuktikan suasana kerja tidak menimbulkan stres yang tinggi di kalangan guru penolong kanan. Mereka berpendapat bahawa tempat kerja mereka selesa (item 5), kondusif (item 4), kemudahan yang disediakan baik (item 7) dan hubungan dengan rakan sekerja mesra (item 8).

Dapatan kajian menunjukkan guru penolong kanan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai mencapai tahap stres yang sederhana terhadap aspek kewangan dengan min 2.59.

Walaupun hasil dapatan menunjukkan aspek kewangan mencapai tahap stress sederhana, namun aspek ini mempunyai min yang paling tinggi antara ketiga-tiga aspek yang dikaji. Ini menunjukkan guru penolong kanan yang bertugas di Kulai, Johor mempunyai tekanan yang lebih dalam aspek kewangan kerana Kulai adalah daerah yang terletak di pinggir bandar. Ia juga adalah daerah yang mempunyai kos kehidupan yang tinggi kerana kedudukannya berhampiran dengan Johor Bahru dan Singapura. Guru-guru penolong kanan ini perlu jimat cermat dalam segala perbelanjaan (item 24), perbelanjaan sekeluarga yang tinggi (item 20) menyebabkan mereka hanya dapat menyimpan sebahagian daripada pendapatan yang diterima (item 19). Mereka juga berpendapat bahawa gaji yang diterima tidak setimpal dengan kerja mereka (item 23). Ada yang menyatakan bahawa pendapatan mereka tidak mencukupi untuk perbelanjaan seisi keluarga (item 17). Walau bagaimanapun, 57.1% menyatakan mereka tidak perlu bekerja sambilan untuk menambah jumlah pendapatan. Ini kemungkinan disebabkan mereka tidak mempunyai masa yang berlebihan untuk bekerja sambilan. Tambahan pula, guru-guru tidak digalakkan bekerja sambilan melainkan mendapat kelulusan daripada pihak atasan.

Menurut Maslow (1970), kepuasan kerja memang dapat diperolehi jika individu yang terlibat merasakan kerja itu betul-betul menyeronokkan dan pekerjaan itu penuh makna. Kepuasan kerja juga dilihat sejauh mana seseorang itu menyalurkan minat, kebolehan dan menimbulkan rasa senang dan puas hati serta dapat menjalankan peranannya dengan berkesan sebagaimana yang diharapkan daripada pekerjaannya (Cox, 1978).

Hasil kajian ini menunjukkan guru penolong kanan yang bertugas di daerah Kulai ini mencapai kepuasan kerja pada tahap sederhana secara keseluruhannya. Dapatan ini sama dengan dapatan Panirvsilvam (1999) dalam kajiannya terhadap guru-guru di daerah Tampin, Negeri Sembilan di mana responden juga mengalami tahap kepuasan kerja sederhana. Akan tetapi, ini bertentangan dengan kajian Maheran (2005) yang menunjukkan tahap kepuasan kerja di kalangan guru sekolah menengah daerah Tangkak, Johor secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa para guru penolong kanan juga mencapai tahap kepuasan kerja yang sederhana dari aspek suasana kerja, gaji dan peluang kenaikan pangkat tetapi mencapai tahap kepuasan yang tinggi dari aspek penyeliaan dan rakan sekerja. Ini bermakna guru penolong kanan kurang berpuas hati terhadap aspek suasana kerja, gaji dan peluang kenaikan pangkat tetapi berpuas hati dengan aspek penyeliaan dan rakan sebaya. Hasil kajian ini sedikit berbeza dengan kajian Ahmad Shukran (1997) yang menunjukkan guru di Sekolah Menengah Daerah Pekan dan Rompin, Pahang berpuas hati dengan suasana kerja, gaji, penyeliaan, rakan sekerja dan tidak berpuas hati dengan kenaikan pangkat.

### **Rujukan**

- Abdul Ghani Abdullah, Ting Keow Ngang dan Asiah Ismail (2006). *Kecerdasan Emosi dan Pengurusan Stres Guru Penolong Kanan di Sekolah Rendah. Journal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Jilid 16, Bil 1, 02, 65-78. Genting Highlands : Institut Aminuddin Baki.
- Atan Long (1998). *Pedagogi*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- Awalludin Bin Bakri (1998). *Satu Tinjauan Mengenai Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru-Guru Kemahiran Hidup*. Tesis Sarjana Muda : Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya et al. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Badrunsham Dahalan (2007). *6 Kemahiran Tingkat Hubungan Di Tempat Kerja*. Pendidik Bil 41, 29-30. Kuala Lumpur : Widad Publishing Sdn. Bhd.
- Donald Mee Chenbaun and Matt E. Jarembo (1983). *Stress Reduction and Prevention*. New York : Plenum Press.
- Ee Ah Meng (1996). *Psikologi Pendidikan 1 : Psikologi Perkembangan*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti.
- Ee Ah Meng (2001). *Pendidikan Di Malaysia*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti
- Lim (2005). *Hubungan Di Antara Stres Kerja Dengan Kepuasan Kerja Di kalangan Guru Teknikal Di SM Teknik Di Negeri Kedah Darul Aman*. Tesis Sarjana : Universiti Teknologi Malaysia.
- Liew (2006). *Hubungan Tahap Stres Dengan Kecenderungan Hendak Berhenti Kerja Di Kalangan Guru-Guru Di Bahagian Kedua Sri Aman, Sarawak*. Tesis Sarjana Muda : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ma'rof Redzuan (2001). *Psikologi Sosial*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Robiah Sidin, (2003). *Teori Pentadbiran Pendidikan : Satu Pengenalan*. Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahabuddin Hashim (2003). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Bentong : PTS Publication dan Distributors Sdn. Bhd.

- Sulaiman Ngah Razali (2002). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof Boon (2007). *Penyelidikan Tindakan : Model Pengajaran dan Pembelajaran (Untuk Kegunaan Dalaman)*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). *Analisis Data Berkomputer. SPSS for Windows*. Kuala Lumpur : Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.